

# **TIGA MALAIKAT DAN ANDA**

## **Berani Melarikan Diri**







# Berani Melarikan Diri

**A**yah akan kembali ke Cuba dan membebaskan isterinya dan dua anak kecilnya atau mati mencuba. Mejar Orestes Lorenzo Perez telah melarikan diri dari komunis Cuba dengan menerbangkan salah satu jet tentera mereka ke Amerika Syarikat. Isterinya dan dua anak lelaki kecilnya tertinggal di sana, tetapi Mejar Perez ada rancangan untuk kembali dan mendapatkan mereka. Selama minggu-minggu berikutnya, keluarga itu menunggu dengan sabar sambil menerima arahan yang dikodkan untuk pengambilan mereka. Mesej rahsia dihantar dalam cebisan kecil melalui rakan-rakan dan orang lain. Pegawai kerajaan berkata bahawa orang yang mereka sayangi itu tidak akan kembali untuk mereka, tetapi keluarga Perez percaya sebaliknya.

Akhirnya, hari itu tiba. Mejar Perez berlepas dari Marathon, Florida, menerbangkan sebuah pesawat kecil yang sudah berusia. Ia kira-kira sejam sebelum matahari terbenam. "Saya terbang pada altitud yang sangat rendah . . . kira-kira 10 kaki di atas ombak, dan saya melihat jambatan berhampiran Matanzas," Mejar Perez menerangkan kepada seorang wartawan mengenai pendekatannya ke Cuba. "Saya mencondongkan pesawat. Saya melihat sebuah kereta, lori dan bas di jalan raya. Terdapat pengadang konkrit. Papan tanda jalan. Saya mencondongkan pesawat lagi dan sedia mendarat dengan pantas. Saya hanya ada satu peluang untuk mendarat. Satu peluang. Hanya itu sahaja."

Keluarganya sudah bersedia. Tiba-tiba Pn. Perez dan dua anak lelaki mereka, Reyniel dan Alejandro, bergegas ke arah pesawat. Alejandro kehilangan kedua-dua kasutnya semasa berlari, tetapi itu adalah satu pengorbanan kecil untuk mendapat kebebasan.

Keluarga itu segera menaiki pesawat. Mejar Perez segera menggunakan jalan raya sebagai landasan untuk berlepas. Jumlah masa di tanah Cuba: kira-kira satu minit.



Apabila keluarga itu mendarat dengan selamat di Florida, mereka disambut oleh rakan-rakan dan orang lain. Ia telah mengambil kesabaran dan kepercayaan, tetapi ia sangat berbaloi. Masa depan yang baru dan lebih baik menanti mereka.\*

Seperti keluarga Perez, masa depan yang cerah menanti pengikut Tuhan. Yesus menjelaskan hal ini apabila Dia berkata, "Jika Aku pergi dan menyediakan tempat untukmu, Aku akan pulang dan membawamu ke tempat-Ku, supaya di tempat Aku berada di situ juga kamu berada" (Yohanes 14:3). Tempat itu syurga, sudah pasti, tetapi kita belum sampai ke sana.

Kesabaran boleh menjadi sukar, tetapi ia adalah sesuatu yang malaikat ketiga dari Wahyu 14 mengatakan akan diperlukan oleh umat Tuhan pada akhir zaman. Hari-hari itu akan menjadi mencabar bagi mereka yang mengikuti kebenaran Alkitab, dan pengembalian Yesus pasti akan dialu-alukan. Syukurlah, malaikat ketiga tidak merahsiakan apa yang akan diperlukan sementara umat Tuhan menunggu kedatangan Yesus kembali:

**"Ini merupakan panggilan untuk kesabaran yang bertahan bagi umat Tuhan"1 (Wahyu 14:12, bahagian pertama).**

Tunggu, kesabaran apa? Bertahan. Seperti pelari maraton yang menuju ke garisan penamat, umat Tuhan mungkin menjadi letih tetapi mereka akan tetap berada dalam perlumbaan.

Apakah beberapa cara yang baik untuk membina kesabaran dan ketahanan rohani? Tuliskannya di garisan yang tersedia di bawah.





# Dua Ciri Zaman Akhir



Adakah anda ingat apa yang dilambangkan oleh dahi dan tangan yang disebut dalam Wahyu 14:9? (Rujuk semula pelajaran 7 jika perlu). Tuliskan jawapan anda di bawah setiap gambar:



Mesej malaikat ketiga diteruskan dengan mengingatkan pengikut Tuhan apa yang akan mereka lakukan dan siapa yang akan mereka fikirkan pada hari-hari terakhir di bumi. Gunakan International Morse Code dan kekunci kod pada halaman-halaman seterusnya untuk mengetahui dua ciri utama yang dimiliki oleh umat Tuhan pada akhir zaman. Tuliskan huruf-huruf yang telah dinyahkod pada ruang kosong dalam ayat Alkitab berikut.

## **Anda Boleh Terbang Tinggi**

Anda tidak boleh pergi ke kedai dan membeli sekotak kesabaran atau ketahanan, tetapi anda boleh membuka Alkitab anda dan mencari banyak dorongan. Berikut adalah salah satu contohnya:

**"Tetapi mereka yang menanti-nantikan Tuhan akan mendapat kekuatan baru. Mereka akan terbang tinggi dengan sayap seperti burung rajawali. Mereka akan berlari dan tidak menjadi penat, mereka akan berjalan dan tidak menjadi lesu" (Yesaya 40:31, AVB).**

Apabila kehidupan menjadi sukar, tujukanlah hati anda ke arah syurga. Terdapat banyak kuasa di sana untuk membantu anda mengharunginya sehingga ke penghujungnya.



Kekunci kod:

A —  
B —...  
C —...  
D —..  
E .  
F .. —..  
G — —..  
H ...  
I ..  
J . — — —  
K — .. —  
L . — ..  
M — —

N — .  
O — — —  
P . — — .  
Q — — . —  
R . — .  
S ...  
T —  
U .. —  
V ... —  
W . — — —  
X — .. —  
Y — . — — —  
Z — — ..

## Mesej 1:



## Mesej 2:



“Ini merupakan panggilan untuk kesabaran yang bertahan bagi umat Tuhan yang \_\_\_\_\_ serta \_\_\_\_\_” (Wahyu 14:12, bahagian terakhir).

Menggunakan perkataan sendiri, menurut pemahaman anda, apakah maksud ayat ini?

---

---

---

---

Pada hari-hari terakhir sejarah bumi, binatang (kekuasaan agama Rom yang “kembali dari kepupusan”) dan patungnya (pelbagai kuasa kerajaan yang lain) akan cuba untuk membuat semua orang mengikuti jalannya dan bukannya kebenaran Alkitab. Tetapi umat Tuhan pada zaman akhir akan dikenali kerana mematuhi perintah-perintah Tuhan, termasuk menghormati hari Sabat yang ketujuh, dan dengan sabar mempercayai Yesus.

# Mesej Tiga

Terdapat banyak untuk diingati tentang apa yang dikatakan oleh tiga malaikat dalam Wahyu 14:6-12! Berikut adalah ringkasannya.



## Malaikat Pertama



- Terima dan kongsi INJIL.



- Masa KEADILAN Kosmik telah tiba.



- MENYEMBAH Pencipta yang benar.



## Malaikat Kedua

- AGAMA PALSU telah runtuh.






# Malaikat dan Anda



## Malaikat Ketiga



- **Jangan mengikut BINATANG dan PATUNGNYA.**
- **Memelihara HUKUM TUHAN dan TETAP PERCAYA PADA YESUS.**



Seperti seorang bapa yang kembali untuk menyelamatkan anak-anak-Nya, Yesus akan datang kembali. Seperti yang anda pelajari pada awal siri ini, tiga malaikat dalam Wahyu 14:6-12 mewakili anda. Mintalah kepada Tuhan untuk menunjukkan kepada anda bagaimana untuk menggunakan talenta dan bakat istimewa anda untuk menyebarkan berita tentang mesej penting akhir zaman ini. Anda mungkin akan kagum dengan apa yang Dia telah sediakan untuk anda!

**Tahniah kerana telah  
mempelajari banyak**



**tentang mesej-mesej  
tiga malaikat dalam  
Wahyu 14:6-12!**

Sebelum anda meninggalkan siri ini, menggunakan Alkitab anda, tulis setiap mesej dari tiga malaikat pada kad-kad yang disediakan bagi membantu anda mengingati mereka.



## **Mesej Malaikat Pertama**

**Wahyu 14:6, 7**

**KATA KUNCI:** \_\_\_\_\_



## Mesej Malaikat Kedua

Wahyu 14:8

---

---

---

---

---

---

KATA KUNCI: \_\_\_\_\_



## Mesej Malaikat Ketiga

Wahyu 14:9-12

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

KATA KUNCI: \_\_\_\_\_



[illegible]



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Copyright © 2022 by the General Conference Corporation of Seventh-day Adventists®

Produced by the General Conference Children's Ministries Department

Published by the Review and Herald® Publishing Association

Printed by Alpha Impressions, Inc.

Printed in the United States of America

All Rights Reserved

The author assumes full responsibility for the accuracy  
of all facts and quotations as cited in this study guide.

Study guides by Randy Fishell

Design by Daniel Añez

Illustrations by Chris Danger

All Scripture quotations are from the New International Version (NIV) Holy Bible,  
New International Version®, copyright © 1973, 1978, 1984, 2011 by Biblicai, Inc.®

Used by permission. All rights reserved worldwide.

June 2022

[www.faithfinders.com](http://www.faithfinders.com)

\*Sumber cerita: latimes.com

1Terjemahan literal

**Jawapan:** Dua Ciri untuk Zaman Akhir, Mesej 1: MENGIKUT  
PERINTAH TUHAN, Mesej 2: BERIMAN KEPADA YESUS.



Adventist<sup>®</sup>  
**Children's Ministries**  
GENERAL CONFERENCE WORLD HEADQUARTERS